

Tribunal keluarkan RM3 juta 'award'

KUALA LUMPUR - Sebanyak RM3 juta *award* dikeluarkan Tribunal Tuntutan Pengguna (Tribunal) bagi tempoh 2016 hingga 31 Mei 2019 bagi kes penipuan pakej pelancongan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, jumlah *award* melibatkan 1,057 kes difailkan pengguna dalam tempoh berkenaan membabitkan keseluruhan tuntutan berjumlah RM6.6 juta.

"Pihak syarikat yang menawarkan pakej pelancongan tersebut harus patuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh *award* dikeluarkan atau diserahkan,"

katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di sini semalam.

Beliau menjawab soalan **Akmal Nasrullah Mohd Nasir (PH-Johor Bahru)** mengenai keberkesanan Tribunal membantu rakyat bagi kes

penipuan pakej pelancongan.

Tribunal yang ditubuhkan sejak 15 November 1999, menyediakan saluran alternatif kepada pengguna untuk menuntut hak secara tebus rugi dan menyelesaikan pertikaian.

Katanya, bagi tempoh lima bulan pertama 2019, tuntutan tebus rugi terhadap perkhidmatan agensi pelancongan mencatat jumlah pemfailan tertinggi melibatkan 202 kes. - *Bernama*

**PENIPUAN
PAKEJ
PELANCONGAN**